



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

[Search Newspapers](#)[Browse Newspapers](#)

I am looking for

[Advanced Search ▾](#)[Home](#) > [Berita Harian](#) > [26 January 1968](#) > [Page 8](#) > Projek Kemajuan Tanah terbiar

## Projek Kemajuan Tanah terbiar



Berita Harian, 26 January 1968, Page 8

Article also available on [Microfilm Reel NL5385](#)[^ Scroll to Top](#)[◀ Previous Article](#)[Next Article ▶](#)[◀ Previous Page](#)[Next Page ▶](#)

# Projek Kemajuan Tanah terbiar

**M. SHAM,****Sungai Ramal Dalam,  
Kajang, Selangor**

**R A N C H A N G A N**  
Kemajuan Tanah  
yang di-buka Oleh  
Dato Abu Bakar Ba-  
ginda di-Kampung  
Sungai Merab Ka-  
jang pada masa ini  
tertinggal sahaja.



Kebanyakan me-  
reka yang telah di-  
berikan tanah dan  
juga rumah mereka  
meninggalkan Ran-  
changan Tanah Ber-  
kumpul itu kerana  
mereka tidak sang-  
gup tinggal di-Ran-

**Information ▲**Newspaper:  
Berita HarianDate:  
26 January 1968Reel Number:  
NL5385

Share

**Table of Contents ▲**[◀ Previous](#) | [Page 8 ▾](#) | [Next ▶](#)**Tahun 1968 di-harap AMKM  
akan 'terbang tinggi'**Tahun 1968 di-harap AMKM akan 'terbang tinggi'  
SURAT2 dari PEMBACHA RAZI M. I. Pekan, Pahang**Pertukaran guru2 ganggu  
murid2**Pertukaran guru2 ganggu murid2 IBU2 BAPA Perlis  
pEJABAT Pelajaran Perlis di-penoni oleh kerani2 dan**Projek Kemajuan Tanah terbiar**Projek Kemajuan Tanah terbiar M. SHAM Sungai Ramal  
Dalam. Kajang. Selangor JJANCHANGAN Kemajuan[View Full Table of Contents ▶](#)

changan itu lagi kerana bantuan yang di-berikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar itu tidak menchukupi.

Tetapi sangat menghairankan kerana kerajaan namapaknya tidak menghiraukan sangat akan perkara itu sa-hingga tanah yang di-berikan itu yang berjumlah 4576 ekar itu telah menjadi semak samun lagi kerana tidak di-hiraukan oleh mereka yang di-berikan tanah itu.

Jadi melalui ruangan ini saya merayu kapada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya bertindak kapada mereka yang meninggalkan ranchangan itu.

Sa-belum mereka di-berikan tanah itu, mereka telah berjanji akan mengerjakan tanah itu dengan sa-baik2-nya.

Jikalau perlu tanah2 yang telah di-teroka dan di-tinggalkan itu di-berikan sahaja kapada mereka yang betul2 sanggup mengerjakan-nya.

Kerajaan telah membelanjakan beribu2 ringgit.

Sa-bagaimana yang diketahui bahawa belanja meneroka tanah di-Ranchangan Tanah Sg. Merab itu memakan belanja besar.

Ini ada-lah kenyataan Datok Abu Bakar Baginda sa-masa pembukaan ranchangan itu pada tahun 1964 lalu.

Saya merayu kapada Kementerian Pembangunan Luar Bandar terutama-nya kapada Tun Razak supaya dapat melawat kawasan yang bagitu besar untuk mempastikan sama ada ranchangan itu benar2 akan memberikan faedah kapada peneroka tanah itu nanti.

Saya lihat sa-bilangan sahaja dari getah2 yang di-tanam pada tahun 1964 itu hidup sedang-



kan sa-bilangan besar mati dengan sendiri-nya.

Sama-ada mati kerana tidak di-bela atau pun mati di-makan binatang yang berkeliaran di-kawasan ranchangan itu.

Semoga apa yang berlaku di-masa ini tidak akan berlaku di-masa hadapan.



## Related Articles



No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback  FAQ



ort Vulnerability  Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore  
Last Updated 2019-10-29